

Kesahan Gagasan

Rosly Bin Kayar

Kesahan ini melibatkan ciri-ciri perlakuan (psikologi) setiap tingkah laku. Iaitu mengaitkan sesuatu konsep dengan beberapa gagasan. Ini boleh diterangkan dengan jelas oleh pengkaji dengan membina Jadual Penentu Ujian, iaitu dengan cara menyenaraikan konsep yang dikaji, ciri konsep dan takrif konsep tersebut (perlakuan yang boleh diperhatikan dan diukur). Contohnya, jika soal selidik utamanya ialah mengenai konsep kemurungan maka beberapa item soalan lain dibina yang mengandungi pecahan konsep atau gagasan mengenai kemurungan. Oleh itu, konsep kemurungan dapat diuji dengan beberapa soalan lain yang bertemakan kemurungan bagi memastikan tahap kesahan. Sebarang item soalan yang tidak berkaitan dengan kemurungan akan dihindarkan. Oleh itu, ujian ini dapat menentukan kesahan tahap kemurungan dengan betul dan tepat.

Jadual 1

Konsep	Gagasan
Kemurungan	Sedih Kecewa Menyendiri Pasif